

NOTIS SEBUTHARGA

(TAWARAN TERBUKA)

Sebutharga adalah di pelawa daripada kontraktor-kontraktor dengan pendaftaran masing-masing **yang masih sah laku selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga** bagi kerja-kerja berikut:-

Bil	No.Kontrak	Tajuk Sebutharga	Bidang Pendaftaran & Syarat Kelayakan	Tarikh & Masa Lawatan Tapak	Tarikh Tutup (Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari)
1.	QUO/FA/078/20(BS)	Sebutharga Bagi Kerja – Kerja Pemasangan Alat Penghawa Dingin Baru Di Ruang Pejabat Khidmat Pelanggan Untuk Premis PBAPP Bagi Daerah D.T.L Dan D.B.D Pulau Pinang.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Maklumat Perniagaan / Korporat dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) Gred G1 , Kategori M01	11/08/2020 10.30 Pagi, Di Pejabat Unit Perkhidmatan Bangunan Jabatan Fasilitas PBAPP Padang Tembak, D.T.L., Pulau Pinang.	18/08/2020

Lawatan tapak bagi Sebutharga ini adalah mengikut tarikh yang ditetapkan seperti diatas. Kontraktor-kontraktor yang mempunyai lesen seperti di atas dan berminat hendaklah berkumpul di tempat tersebut di atas. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen sebutharga **tidak akan dijual** pada mana-mana kontraktor **yang gagal menghadiri sesi lawatan tapak dengan sepenuhnya pada hari tersebut**.

Untuk maksud ini pemilik lesen yang sah saja wajib menghadiri Sebutharga ini (**wakil tidak dibenarkan**) dan membawa **Surat asal Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) – Maklumat Perniagaan / Korporat dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) Gred G1, Kategori M01 yang beralamat Pendaftaran di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya, Pulau Pinang sahaja**.

Dokumen sebutharga akan mula dijual di Jabatan Perancang dan Pembangunan, L4, ICT, Phase 1B, Tingkat 4, Kompleks Tun Abdul Razak, Jalan Penang, 10000 Pulau Pinang mulai **11hb Ogos 2020** pada waktu pejabat (**10.00 pagi hingga 4.00 petang**). Harga dokumen sebutharga adalah **RM30.00** senaskah dan bayaran harus dibuat dalam bentuk tunai sahaja.

Dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada wakil pembekal yang sah. Untuk maksud ini wakil pembekal hendaklah hadir dengan membawa Sijil **ASAL** Surat Pendaftaran **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** – sertakan Maklumat Perniagaan/ Korporat dengan masing-masing satu salinan fotostatnya untuk simpanan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Sebutharga akan ditutup pada **18hb Ogos 2020, sebelum jam 12.00 tengahari**. Dokumen Sebutharga hendaklah dihantar melalui sampul surat yang dimeteri dan ditandakan dengan tajuk sebutharga di sudut sebelah kiri dan dialamatkan kepada:-

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN. BHD.
L4, ICT, FASA 1B,
TINGKAT 4, KOMTAR
10000 PULAU PINANG.

Dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Perancangan dan Pembangunan, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. L4, ICT, Fasa 1B, Tingkat 4, Komtar, 10000 Pulau Pinang sebelum 12.00tg.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF